

UNTUK SIARAN SEGERA

Kuala Lumpur, 6 Ogos 2025

Khazanah Nasional Menerusi Dana Impak Giat Memperkasakan Syarikat Peringkat Pertengahan

Memacu pertumbuhan Syarikat Peringkat Pertengahan menerusi strategi pembangunan kapasiti termasuk melengkapinya sokongan pembiayaan dan ekuiti swasta

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) menerusi Dana Impak, memperkukuh peranannya dalam menyokong syarikat peringkat pertengahan Malaysia (MTC) bersandarkan pendekatan dua hala dalam **pembangunan kapasiti** serta **memperluas akses kepada pertumbuhan modal** melalui strategi pembiayaan dan ekuiti swasta. Inisiatif menyeluruh ini dijangka memberi manfaat langsung kepada lebih 100 MTC tempatan, selaras dengan aspirasi Dana Impak untuk memangkin pertumbuhan MTC berpotensi tinggi agar lebih berdaya saing, menerusi pengukuhan kebolehan, meluaskan akses kepada modal dan membuka peluang kepada pertumbuhan berlandaskan inovasi, ketika syarikat-syarikat ini mendepani cabaran ekonomi yang kian mencabar dan pantas berubah

Dato’ Amirul Feisal Wan Zahir, Pengarah Urusan Khazanah berkata, “Melalui Dana Impak, Khazanah berperanan sebagai pemangkin dan penghubung — mengenal pasti jurang pasaran, menyediakan modal bagi bidang yang kurang mendapat perhatian pasaran, melabur dalam bakat tempatan dan berusaha menarik penyertaan pelabur swasta, berdasarkan pendekatan *whole-of-nation* yang menjadi pemangkin kepada inovasi dan pertumbuhan mampan. Melalui strategi *Advancing Malaysia*, tumpuan kami untuk memperkasa MTC bukan sahaja memacu daya saing, tetapi juga memperkukuh ketahanan ekonomi negara. Kami mengalu-alukan kerjasama rakan strategik dalam merealisasikan potensi penuh MTC Malaysia.”

Dato’ Mohammad Faiz Azmi, Pengerusi Eksekutif Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, berkata, “MTC di Malaysia berperanan sebagai enjin pertumbuhan penting yang memperkukuh pengeluaran industri, mencipta peluang pekerjaan, dan merangsang inovasi, di samping menyumbang 36% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara. Melalui Pelan Hala Tuju MSME & MTC 5 Tahun (2024–2028), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (“SC”) memainkan peranan utama dalam menyokong MTC tempatan dengan meningkatkan akses kepada pembiayaan, kesiapsiagaan pasaran, serta peluang pertumbuhan strategik melalui pasaran modal. Kami menghargai inisiatif Khazanah dan menyokong matlamat jangka panjang SC untuk membangunkan ekosistem pembiayaan pasaran modal yang lebih inklusif dan menyeluruh.”

Strategi pelaburan Khazanah bagi Dana Impak berpaksikan rangkaian inisiatif pembangunan keupayaan yang bertujuan meningkatkan kesiapsiagaan pertumbuhan, menyokong usaha pengembangan, memperkukuh kesiapsiagaan pelabur dan memacu produktiviti. Antaranya termasuk:

- **Program Elevate** – Khazanah dan SC telah memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) pada 17 Oktober 2024 sebagai tanda sokongan terhadap pelan tindakan lima tahun SC iaitu ‘Memacu Akses MSME dan MTC ke Pasaran Modal: Pelan Hala Tuju

5-Tahun (2024–2028). Inisiatif ini menyasarkan peningkatan akses pembiayaan pasaran modal bagi MTC Malaysia. Menerusi kerjasama ini, kedua-dua pihak akan menyokong program pembangunan kapasiti dengan matlamat untuk meningkatkan produktiviti serta membuka peluang baharu dalam pembiayaan, inovasi dan pertumbuhan perniagaan. Salah satu program iaitu Program Elevate adalah program kepimpinan eksekutif selama empat bulan yang dikendalikan oleh Capital Markets Malaysia (“CMM”) untuk membantu MTC serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) mengumpul modal. Sebagai sebahagian daripada usaha Khazanah dalam menyokong akses kepada pasaran modal dan memperkukuhkan keupayaan pendanaan, Khazanah dan CMM akan menaja penyertaan MTC ke dalam kohort Elevate sehingga tahun 2027.

- **MTC Growth Innovation Programme (“MGIP”)** – Inisiatif pembangunan keupayaan ini direka secara berstruktur bagi melengkapkan MTC dengan kemahiran strategik untuk meneroka pasaran baharu atau berkembang dalam segmen perniagaan baharu. Sokongan disesuaikan melalui kelas induk menyeluruh, memberi tumpuan kepada keutamaan pelanggan, inovasi dan pengesahsahihan rancangan pertumbuhan. MTC turut menerima bimbingan diagnostik dan kepimpinan eksekutif bagi memperkukuh barisan kepimpinan, memperkemas model perniagaan dan memacu keupayaan inovasi, dengan matlamatnya membentuk kebolehan meneraju dalam sektor masing-masing.

“Inisiatif pembangunan keupayaan ini dilengkapi **strategi pelaburan berbilang pendekatan** yang menyalurkan modal pertumbuhan melalui pengurus dana pembiayaan dan ekuiti swasta, menyokong MTC di pelbagai fasa kemajuan berbeza. Khazanah sedar bahawa MTC memerlukan penyelesaian pembiayaan yang fleksibel dan disesuaikan mengikut keperluan mereka, sebagai alternatif kepada pembiayaan ekuiti tradisional,” tambah Dato’ Amirul Feisal Wan Zahir.

Khazanah melalui Dana Impak melaksanakan **strategi pembiayaan swasta** yang bertujuan mempercepatkan pertumbuhan MTC tempatan Malaysia melalui modal pembiayaan tanpa pemilikan ekuiti. Selaras dengan usaha ini, Khazanah menjalin kerjasama dengan **Navis Capital Partners**, firma pelaburan swasta ASEAN yang berpangkalan di Kuala Lumpur, dan **Granite Asia**, firma pelaburan pelbagai aset di Asia, yang menawarkan strategi pembiayaan disesuaikan untuk menyokong pertumbuhan dan pengembangan MTC Malaysia.

Di bawah strategi ekuiti swasta (“PE”), Khazanah menyasarkan untuk menyokong MTC Malaysia dengan memanfaatkan kepakaran pengurus dana berpengalaman, khususnya dalam memperluas pasaran, memperkukuh operasi dan mempercepatkan penerokaan pasaran serantau. Sejalan dengan matlamat ini, Khazanah mengumumkan kerjasama bersama **Creador**, firma ekuiti swasta tempatan yang beroperasi merentas Asia Selatan dan Asia Tenggara yang memiliki rekod prestasi cemerlang dalam menyokong syarikat pada tahap pertumbuhan dalam mempercepatkan peluasan serantau selain memacu pertumbuhan MTC menerusi keupayaan penciptaan nilai.

Maklum balas awal daripada peserta MGIP seperti Enda Group (Siti Khadijah), NSW Automation dan Sipro Plastic Industries, sebahagian daripada 16 syarikat yang menyertai

program setakat ini, membuktikan bahawa program ini mampu memangkin inovasi di kalangan MTC Malaysia.

Mohammad Munzir Aminuddin, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Enda Group berkata, “Pada masa ini, tidak banyak inisiatif dalam pasaran yang direka khusus untuk MTC. Cabaran unik yang dihadapi MTC berbeza daripada PKS atau perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Inilah yang menarik minat kami untuk menyertai MGIP memandangkan program ini benar-benar memahami keperluan kami dalam mengembangkan perniagaan ke tahap seterusnya.”

Boo Kiang Ngee, Pengarah Urusan NSW Automation berkata, “MGIP ibarat pencetus perubahan, dengan pengenalan kepada kaedah berkesan bagi penilaian idea dan inovasi untuk meraih kejayaan unggul. Program ini mengubah cara kami mengenal pasti pertumbuhan perniagaan, disokong oleh bimbingan jurulatih berpengalaman yang membawa pemahaman dan perspektif kejayaan dunia sebenar dalam setiap sesi.”

Afiqah Aida Rahim, Pengarah Sipro Plastic Industries berkata, “MGIP adalah program yang intensif, tetapi amat bermanfaat. Ia memberikan perspektif baru bagi pertumbuhan dan inovasi kepada pasukan kami. Yang paling penting, pasukan kami kini dilengkapi dengan alat berstruktur yang boleh diaplikasikan untuk memacu pengembangan syarikat.”

Khazanah menjemput MTC yang layak untuk menyertai kohort baharu MGIP yang dijadualkan bermula pada Suku Ketiga 2025. Penyertaan terbuka kepada MTC Malaysia milik persendirian yang meraih hasil tahunan antara RM20 juta/RM50 juta hingga RM500 juta (sektor perkhidmatan/pembuatan); memiliki rekod keuntungan dan mempamerkan daya inovasi yang kukuh. Untuk melihat maklumat lanjut berhubung kriteria penuh dan cara memohon, sila lawati: <https://www.khazanah.com.my/our-investments/dana-impak/mid-tier-companies/>.

Menyumbang sekitar 36% KDNK dan menggaji 16% tenaga kerja negara, MTC merupakan pemacu penting bagi pertumbuhan ekonomi negara. Namun, untuk merealisasikan potensi sepenuhnya, MTC masih berdepan cabaran ketara, terutamanya dalam mendapatkan pembiayaan tahap pertumbuhan yang sesuai dan mencapai pengembangan efektif.

Usaha dan kerjasama strategik ini, yang sejajar dengan aspirasi kerangka Ekonomi MADANI, merupakan sebahagian daripada komitmen Khazanah untuk memacu MTC Malaysia dengan dana berjumlah RM1.0 bilion di bawah inisiatif GEAR-uP oleh Kementerian Kewangan, seperti diumumkan dalam Belanjawan 2025.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut, sila lawati www.khazanah.com.my atau untuk maklumat berkaitan media, sila hubungi Nazatul Ekma Mokhtar di Tel: +603 2034 0000, atau emel ke nazatul.mokhtar@khazanah.com.my.

Mengenai Khazanah Nasional Berhad

Khazanah Nasional Berhad ("Khazanah") ialah dana kekayaan berdaulat Malaysia yang diamanahkan untuk menyampaikan nilai mampan untuk rakyat Malaysia. Selaras dengan strategi jangka panjang Memajukan Malaysia, Khazanah menasarkankan untuk mencapai tujuannya dengan melabur dalam sektor pemangkin, mencipta nilai melalui pengawasan aktif, meningkatkan kehadiran globalnya, serta membina kapasiti dan komuniti yang bertenaga untuk manfaat rakyat Malaysia. Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, layari www.khazanah.com.my

Mengenai Dana Impak

Dana Impak memainkan peranan pemangkin dalam strategi Pelaburan Malaysia Khazanah yang berteraskan kerangka 'A Nation That Creates', dengan memacu transformasi firma bagi memperkukuh daya saing dan daya tahan ekonomi, di samping menyampaikan impak sosioekonomi yang positif kepada negara. Ini selari dengan komitmen menyeluruh Khazanah untuk Memajukan Malaysia melalui pendekatan yang tersusun dan berprogram, merangkumi bidang utama seperti merancang ekosistem modal teroka ("VC") negara, memperkasa syarikat pertengahan ("MTC"), serta mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam sektor semikonduktor dan pembuatan maju.

Mengenai Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), sebuah badan berkanun yang melapor kepada Menteri Kewangan, ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993. Ia merupakan agensi kawal selia tunggal bagi pengawalseliaan dan pembangunan pasaran modal. SC mempunyai tanggungjawab langsung untuk menyelia dan memantau aktiviti institusi pasaran, termasuk bursa dan rumah penjelasan, dan mengawal selia semua individu yang dilesenkan di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007. Maklumat lanjut mengenai SC boleh didapati di laman sesawangnya di www.sc.com.my. Ikuti SC di saluran media sosial kami @SecComMalaysia untuk maklumat lanjut.

Mengenai Navis Capital Partners

Ditubuhkan pada 1998, Navis mengurus modal ekuiti dan pembiayaan swasta melebihi AS\$5 bilion, selain memberi tumpuan kepada pelaburan terutamanya di Asia Tenggara, serta secara terpilih di Australia dan New Zealand. Navis menyumbang modal dan kepakaran pengurusan kepada syarikat-syarikat berpotensi dengan objektif melaksanakan penambahbaikan strategik, operasi dan kewangan. Navis mempunyai salah satu pasukan profesional ekuiti swasta terbesar di Asia, dengan lebih 60 individu, disokong oleh lebih 30 kakitangan pentadbiran di tujuh pejabat di rantau ini. Sejak penubuhan, Navis telah menyempurnakan lebih 90 transaksi kawalan, lebih 60 daripadanya telah dijual semula, kebanyakannya kepada pembeli korporat.

Mengenai Granite Asia

Granite Asia, dahulunya dikenali sebagai GGV Capital Asia, ialah platform pelaburan pelbagai aset terkemuka di Asia. Berpangkalan di Singapura, kumpulan ini melabur di rantau Asia Pasifik termasuk Asia Tenggara, Jepun, China, India dan Australia. Dengan Aset Di Bawah Pengurusan (AUM) berjumlah AS\$5 bilion, firma ini telah melabur dalam 56 syarikat bernilai lebih AS\$1 bilion dan telah memudahkan 31 penyenaiaan awam (IPO). Asas pelaburannya memberi keutamaan kepada lima (5) tema jangka panjang termasuk Pertumbuhan & Transformasi Pengguna, Aliran Kerja Perusahaan & Rantaian Bekalan, Sistem Makanan & Kelestarian, Inovasi Kesihatan & Kesejahteraan, serta Peralihan Tenaga & Automasi.

Mengenai Creador

Ditubuhkan pada 2011, Creador ialah firma ekuiti swasta yang memberi tumpuan kepada pertumbuhan yang berpangkalan di Kuala Lumpur, Malaysia, dengan pejabat di seluruh Asia Selatan dan Asia Tenggara termasuk Filipina, Indonesia, Vietnam, Thailand dan India. Creador mengkhusus dalam bekerjasama dengan pengasas dan pasukan pengurusan keusahawanan untuk membesarkan perniagaan berkualiti tinggi berorientasikan pertumbuhan. Sejak penubuhan, firma ini telah mengumpul lebih AS\$3 bilion melalui enam dana dan telah melabur dalam 59 syarikat. Strateginya berpaksikan pemahaman mendalam terhadap pasaran tempatan, komitmen modal jangka panjang dan penciptaan nilai aktif.